

**Jauhi Politik Fraksi - Najib
Bernama
Julai 3, 2011**

PEKAN: Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan para anggota parti supaya menjauhi politik fraksi atau berpecah-pecah kerana ia boleh menjejaskan prestasi parti terutamanya ketika menjelang pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata amalan yang bersifat jatuh-menjatuhkan sesamasendiri itu perlu dielakkan, sebaliknya meletakkan kepentingan parti terlebihdahulu, mengatasi kepentingan peribadi dan kepentingan tertentu.

"Politik fraksi semestinya menjejaskan prestasi sesebuah parti itu menjelangpilihan raya, bila sampai masa pilihan raya kita mesti meletakkan kepentinganparti mengatasi kepentingan yang lain," katanya kepada pemberita selepasmerasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Pekan di sini Ahad.

Najib berkata amalan negatif itu bukan saja berlaku dalam Umno dan partikomponen Barisan Nasional (BN) yang lain, tetapi juga dalam parti pembangkangdi mana setiap kali adanya pemilihan parti, perkara itu sering kali akantimbul. "Ia bukan saja ada dalam Umno tapi termasuk juga pembangkang. Bila ada pemilihan secara terbuka dan ada perbezaan pendapat dalam parti politik yangamalkan kefahaman demokrasi, maka akan timbullah keadaan tertentu di manapelbagai kumpulan yang bersikap demikian di peringkat akar umbi," katanya. Presiden Umno itu berkata setiap ahli parti perlu memberikan sokongan merekakepada calon yang dipilih parti dengan mengetepikan sikap negatif merekaterhadap calon berkenaan, dan tidak mengambil kesempatan untuk menjatuhkannya.

"Kalau parti sudah pilih sesiapa jadi calon, semua orang mesti sokonglahwalaupun kita mungkin tidak minat dia secara peribadi sebab dia merupakan calon yang telah dipilih oleh parti, jadi kalau ada sikap sedemikian dan kita dapat mengelakkan daripada perkara jatuh-menjatuhkan antara satu sama lain, maka kita akan berjaya dalam pilihan raya," katanya.

Terdahulu, semasa berucap, Najib berkata proses muhasabah dalam partiamat penting bagi memperbetulkan kesilapan yang berlaku pada pilihan raya umum lalu dapat diperbaiki untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13 kelak.

Hasil muhasabah itu, katanya berupaya memberikan kekuatan dan keyakinanbaru yang boleh meningkatkan prestasi pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita mahu bangkit daripada mimpi ngeri pada 2008 (kekalahan beberapa negerikepada pembangkang), kita bangkit semula dengan kekuatan yang kita sendiri tak terfikir boleh dicapai, maknanya kalau lakukan muhasabah diri dan bergerak dalam satu pasukan dan letakkan parti mengatasi segala-galanya maka parti kita akan berjaya," katanya. -

BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/3/mstar_berita/20110703140038&sec=mstar_berita